

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE
BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perincian terma-terma yang diminta Kerajaan Republik Rakyat China (PRC) dalam kerjasama bilateral Malaysia dan China yang bersetuju membeli minyak sawit Malaysia sebanyak 1.7 juta tan sehingga tahun 2023 dan apakah bentuk kerjasama tiga hala menggunakan produk berasaskan kelapa sawit Malaysia yang dikatakan boleh menangani keselamatan makanan di negara ketiga.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Republik Rakyat China (RRC) telah menyatakan persetujuan untuk membeli minyak sawit dan produk berasaskan sawit sebanyak 1.7 juta tan sehingga tahun 2023. Persetujuan ini dibuat semasa pertemuan TYT Wang Yi, Menteri Luar RRC bersama YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Luar Negeri pada 13 Oktober 2020. Kementerian ini menyambut baik di atas usaha yang dimainkan oleh Kementerian Luar Negeri dalam membantu Kementerian ini untuk meningkatkan eksport minyak sawit Malaysia ke luar negara.

SOALAN NO : 22

Sebagai makluman Ahli Berhormat, Kementerian ini sentiasa komited dalam meningkatkan jumlah dan nilai eksport minyak sawit dengan pelbagai negara. Contohnya, persetujuan China untuk membeli minyak sawit sebanyak 1.7 juta tan ini adalah rentetan dari perjanjian yang ditelah dimeterai antara Kementerian Industri Utama dengan *China Chamber of Commerce of Import and Export of Foodstuffs, Native Produce and Animal By-Products (CFNA)* pada tahun 2019. Kementerian ini juga sentiasa berhubung dengan pihak-pihak berwajib di China bagi memastikan perjanjian yang dipersetujui ini sentiasa dilaksanakan.

Sebagai makluman, RRC telah mengimport minyak sawit dan produk berasaskan sawit sebanyak 3.9 juta tan bernilai hampir RM9.2 bilion pada tahun 2019. Manakala, sehingga Ogos 2020, RRC telah mengimport minyak sawit dan produk berasaskan sawit sebanyak 2.5 juta tan bernilai RM6.6 bilion.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada masa ini, Malaysia tidak mempunyai sebarang kerjasama tiga hala khusus berkaitan keselamatan makanan berasaskan sawit. Namun begitu, Kementerian melalui pejabat-pejabat serantau dibawah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) sentiasa bekerjasama rapat dengan syarikat-syarikat, pihak industri dan pihak Kerajaan di negara-negara pengimport. Kerjasama ini termasuk berkenaan keselamatan makanan dengan memperluaskan maklumat berkenaan kebaikan minyak sawit dan bantuan teknikal supaya minyak sawit selamat digunakan oleh pengguna di negara pengimport.

Antara bantuan teknikal yang diberikan ialah khidmat nasihat kaedah pemprosesan minyak sawit untuk dijadikan produk-produk makanan. Saya percaya dengan bantuan teknikal sebegini, isu keselamatan makanan di negara-negara pengimport dapat ditangani dengan efektif serta dapat menaikkan imej minyak sawit sebagai bahan yang selamat dalam produk-produk makanan.

Sekian, terima kasih.